



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KERJA RAYA SEBAGAI RESPON KEPADA LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014 SIRI 3

1. Kementerian Kerja Raya sudah mengambil tindakan 'corrective' terhadap keempat-empat teguran yang dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 3 iaitu;

(i) Pembinaan Ambulatory Care Centre & Hemodialisis, Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu, Kelantan

(ii) Projek Menaiktaraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor

(iii) Pengurusan Penyenggaraan Bangunan Pejabat Kerajaan Di Putrajaya

(iv) Pengurusan Kerja Awalan Melalui Kontrak Kerja

2. Antara tindakan 'corrective' yang diambil, adalah terhadap Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak serta Tidak Sesuai dan Berkualiti Rendah. Selain itu, Prosedur Operasi Standard juga ditambahbaik supaya lebih jelas dan mudah untuk dilaksanakan.

3. Bagi isu Projek Menaiktaraf Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat, Johor, kerja-kerja memperbaiki keretakan dinding, resapan air, kondensasi dan kulat, tandas bocor, air release valve dan permukaan jalan rosak sudah dilaksanakan sepenuhnya. Begitu juga skrin genset, paparan kurang jelas sudah diperbaiki, manakala Planter Box yang menghalang laluan pejalan kaki telah dibuka dan papan tanda di bilik elektrik telah dipasang. Penambahbaikan dibuat secara berperingkat dan yang terakhir pada 5hb November 2011.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L : 03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kkr.gov.my

4. Bagi isu (i), Keretakan pada parkir OKU dan lantai, pemasangan Junction Box telah dibuat, selain gambar CCTV yang kurang jelas dan kondentasi pada siling telah diperbaiki. Begitu juga bagi reka bentuk yang kurang sesuai, iaitu reka bentuk meja di bilik mesyuarat utama dan kedudukan Air Release juga telah diperbaiki. Tindakan pembaikan juga secara berperingkat dan yang terakhir pada 10hb November 2015.

5. Bagi isu (iii), kerja penyelenggaraan ke atas lapisan kalis air yang telah rosak dan koyak telah selesai dan resapan air pada siling dan dinding telah selesai diperbaiki. Semua bilik Building Control System (BCS) bagi 7 bangunan kerajaan telah berfungsi dan pengalir sistem penahan petir yang hilang telah diganti. Ahli Jawatankuasa Penilaian Tender, Teknikal dan Kewangan juga telah dilantik. Tarikh akhir penambahbaikan yang dilaksanakan pada 30hb November 2015.

6. Bagi isu (iv), Garis panduan akan dikeluarkan bagi memastikan kelulusan jawatankuasa diperolehi terlebih dahulu sebelum pengeluaran dokumen tender. Ini akan dilaksanakan selewat-lewatnya hujung tahun ini.

7. Bagi dua teguran punitive (ii) dan (iv) Jawatankuasa Siasatan Khas (JSK) telah selesai menjalankan siasatan pada 16 November lalu. Hasil serta syor JSK telah dikemukakan kepada JPA pada 16hb November lepas untuk tindakan selanjutnya.

8. Teguran bersifat corrective menjurus kepada penambahbaikan sistem dan prosedur dalaman, manakala teguran bersifat punitive melibatkan penyalahgunaan kuasa, salah laku, penyelewengan dan kecuaiian.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

27 NOVEMBER 2015

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my